1. Banyak syarikat penerbangan utama termasuk Malaysia Airlines Bhd yang merupakan syarikat penerbangan nasional akan memperkenalkan pas kesihatan digital yang akan menunjukkan data kesihatan diri, terutama yang berkaitan dengan COVID-19. Platform ini membolehkan pelancong menyimpan hasil ujian dan data vaksin COVID-19 mereka, disamping melakukan perjalanan dalam keadaan selamat. Ia disokong oleh *The Malaysian Association of Tour & Travel Agents* (MATTA) dan *The Malaysian Association of Hotels* (MAH) untuk membincangkan bagaimana pas kesihatan perjalanan digital sangat penting untuk menghidupkan semula sektor pelancongan serta trend baru pasca-COVID-19. Pas kesihatan perjalanan digital disatukan dengan aplikasi mudah alih Malaysia Airlines dan akan menggabungkan beberapa modul Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA). Pas kesihatan perjalanan digital ini merupakan penambahbaikan kepada aplikasi MySejatera yang digunakan untuk merentasi sempadan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengenalan kepada pas kesihatan digital bagi mendapat kemudahan membuat janji temu dengan rakan perubatan yang diperakui untuk menjalankan ujian COVID-19, dan juga sijil vaksinasi COVID-19 penumpang di telefon bimbit akan membantu urusan perjalanan merentasi sempadan kerana semakin banyak negara perlahan-lahan membuka sempadan kepada pelancong antarabangsa. Perkara ini akan memberi kesan positif kepada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran khususnya komponen Pengangkutan dan Perjalanan. Pada suku tahun kedua 2021, komponen Pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih tinggi pada RM8.1 bilion manakala Perjalanan merekodkan defisit sebanyak RM3.6 bilion.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 28 Ogos 2021 (Non-essential)	<p>Pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi tingkatkan prestasi perdagangan Malaysia</p> <p>Pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi dalam beberapa bulan akan datang dijangka akan menghasilkan prestasi yang lebih baik untuk perdagangan luar Malaysia, kata seorang ahli ekonomi.</p> <p>Menurut Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia menyatakan penemuan kajian mengenai eksport terbaru menunjukkan bahawa pemulihan permintaan luaran itu adalah tidak menentu.</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pembukaan-semula-lebih-banyak-sektor-ekonomi-tingkatkan-prestasi-perdagangan-malaysia-316433
2.	Astro Awani 27 Ogos 2021 (Non-essential)	<p>Momentum pemulihan Malaysia mungkin terjejas berikutan lonjakan kes COVID-19</p> <p>Momentum pemulihan ekonomi Malaysia dijangka terjejas berikutan lonjakan kes COVID-19 harian yang merencatkan prospek prestasi kukuh pada suku ketiga 2021, meskipun Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan masih berterusan.</p> <p>Berdasarkan senario tersebut, Indeks Pelopor (IP) mencatatkan pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan 0.5 peratus pada Jun 2021, namun IP susut 2.8 peratus bulan ke bulan.</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/momentum-pemulihan-malaysia-mungkin-terjejas-berikutan-lonjakan-kes-covid19-316402

	Sejajar dengan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyemak unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 3.0 hingga 4.0 peratus, daripada unjuran sebelumnya di antara 6.0 dengan 7.5 peratus bagi 2021.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi dijangka akan menghasilkan prestasi yang lebih baik untuk perdagangan luar Malaysia. Prestasi perdagangan Malaysia meneruskan momentum pertumbuhannya pada bulan Julai 2021 dengan jumlah perdagangan meningkat 13 peratus tahun ke tahun kepada RM180.96 bilion.
2. Momentum pemulihan ekonomi Malaysia dijangka terjejas berikutan lonjakan kes COVID-19. Selari dengan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyemak unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 3.0 hingga 4.0 peratus, daripada unjuran sebelumnya di antara 6.0 dengan 7.5 peratus bagi 2021. Manakala bagi KDNK suku kedua melonjak 16.1 peratus setelah mengalami penguncutan bagi empat suku berturut-turut. Selain itu, imbalan akaun semasa (CAB) Malaysia mencatatkan lebih RM14.4 bilion, meningkat 17.2 peratus daripada suku pertama 2021. Aliran perdagangan Malaysia meningkat kepada 39.0 peratus tahun ke tahun, terutama disumbangkan oleh kesan asas yang rendah dan permintaan luaran yang lebih baik manakala lebihan dagangan meningkat kepada RM56.4 bilion, 122.7 peratus lebih tinggi berbanding suku kedua 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan telah mengumumkan untuk memberi kelonggaran kepada pasar tani beroperasi semula bagi negeri Fasa Dua PPN pada 6 Julai 2021. Walau bagaimanapun, hanya enam komoditi utama yang dibenarkan dijual iaitu ikan, daging, ayam, telur, sayuran dan buah-buahan. Sehubungan itu, pengumuman ini dijangka dapat merancakkan aktiviti ekonomi bagi rantaian komoditi di negeri berkenaan. Bagi tahun 2020, berdasarkan dapatan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2020, pembekalan telur ayam/ itik meningkat sebanyak 22.0 peratus kepada 825.9 ribu tan metrik pada 2020 berbanding 677.0 ribu tan metrik pada 2019. Sementara itu, pembekalan daging ayam/itik mencatatkan penurunan -3.6 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

2. Pembukaan ekonomi secara berterusan akan memberikan rangsangan yang baik kepada pertumbuhan ekonomi terutamanya perdagangan luar Malaysia. Tindakan ini akan mengembalikan momentum ekonomi dengan meningkatkan pengeluaran, menjana pendapatan peniaga dan pekerja serta melonjakkan permintaan pengguna terutamanya bagi sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Berdasarkan KDNK suku kedua 2021 sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 26.6 peratus berbanding -18.3 peratus suku kedua tahun sebelumnya.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 27 Ogos 2021 (Essential)	<p>Dana BSC sedia RM200 juta bantu usahawan</p> <p>Teraju Bumiputra Corporation (Teraju) menjalinkan kerjasama strategik dengan SME Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi menyediakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM200 juta kepada usahawan bumiputera.</p>	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/08/dana-bsc-sedia-rm200-juta-bantu-usahawan/
2.	Selangor Kini 27 Ogos 2021 (Essential)	<p>Pertimbang kurangkan kadar sewa gerai bantu peniaga kecil terjejas</p> <p>Pendapatan golongan peniaga kecil terjejas akibat pandemik COVID-19. Justeru itu, kerajaan negeri Selangor akan mempertimbangkan semula kadar bayaran sewa gerai milik pihak berkuasa tempatan dalam usaha membantu mereka. Selain itu, dalam masa yang sama kerajaan negeri turut mempertimbangkan untuk menambah peruntukan dalam Pakej Kita Selangor kepada</p>	https://selangorkini.my/2021/08/pertimbang-kurangkan-kadar-sewa-gerai-bantu-peniaga-kecil-terjejas/

		rakyat terjejas terutamanya golongan peniaga.	
3.	Berita Harian 28 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	336 keluarga bakal terima bantuan Musa'adah COVID-19 Sebanyak 366 keluarga bakal menerima bantuan yang akan disalurkan daripada sumbangan yang diraih menerusi kerjasama antara Kelab Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dengan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/857124/336-keluarga-bakal-terima-bantuan-musaadah-COVID-19
4.	Selangor Kini 28 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	495 keluarga di empat daerah terima bantuan MAIS Majlis Agama Islam Selangor telah selesai mengagihkan fidyah berjumlah RM3 juta kepada 20,000 keluarga yang terkesan akibat COVID-19. Terbaru bantuan barang makanan asas berjumlah RM49,500 telah disalurkan kepada 495 keluarga di daerah Petaling, Sabak Bernam, Klang dan Kuala Selangor.	https://selangorkini.my/2021/08/495-keluarga-di-empat-daerah-terima-bantuan-mais/
5.	New Straits Times 28 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Orang Asli villagers receive groceries aid from visually-impaired duo Serious climate conditions made it inconceivable for numerous fishermen to go out to sea. Moreover, due to the COVID-19 pandemic, no buyers bought their catch. The duo's philanthropic donations donated groceries to 40 Orang Asli families living in Teluk Jawa in Permas Jaya. Recently, they were featured by the New	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/08/722148/orang-asli-villagers-receive-groceries-aid-visually-impaired-duo

		Straits Times for helping out with donations of foodstuffs to dejected families at the Sri Stulang low-cost pads within the state capital.	
6.	Berita Harian 29 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Program CSR Hasil Prihatin agih 5,055 bakul makanan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengagihkan 5,055 bakul makanan kepada golongan yang memerlukan menerusi Program CSR Hasil Prihatin. Dalam agihan baru-baru ini, sebanyak 500 bakul makanan diserahkan kepada penduduk di Rawang serta Muar dan Segamat, Johor.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/857428/program-csr-hasil-prihatin-agih-5055-bakul-makanan
7.	Berita Harian 29 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	PETRONAS giat gerakkan Program Bank Makanan Inisiatif kakitangan PETRONAS bekerjasama dengan pengedar stesen syarikat itu bagi menjayakan Program Bank Makanan, dapat membantu lebih ramai golongan memerlukan dalam keadaan pandemik ketika ini. Wakil sukarelawan kakitangan PETRONAS, Nur Sakinah Hasman, berkata Program Bank Makanan itu diperkenalkan oleh PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) pada Julai lalu bagi membantu golongan yang berdepan kesukaran.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/857395/petronas-giat-gerakkan-program-bank-makanan
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemudahan dana yang berada di bawah program Pembiayaan Dana Rantaian Bekalan Bumiputera (BSC) adalah untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang ekonomi yang menghasilkan produk dan perkhidmatan bernilai tinggi. 			

2. Kerajaan negeri Selangor akan mempertimbangkan semula kadar bayaran sewa gerai milik pihak berkuasa tempatan dalam usaha membantu golongan peniaga kecil yang terjejas akibat COVID-19.
3. Bahagian Media dan Teknologi Dakwah YADIM dalam kenyataan berkata, sumbangan RM100,000 itu hasil kutipan ahli kelab dan kakitangan Bank Islam melalui Tabung Amal Jariah kepada YADIM untuk kegunaan Program Musa'adah COVID-19 bagi membantu rakyat yang memerlukan. Program pertama hasil kerjasama itu dilaksanakan di Terminal LRT Putra Gombak, membabitkan seramai 52 pemandu teksi yang menerima sumbangan barang keperluan harian dan wang tunai RM250 secara pandu lalu.
4. Bantuan barang makanan asas berjumlah RM49,500 telah disalurkan oleh MAIS kepada 495 keluarga di empat daerah di negeri Selangor.
5. Seramai 40 keluarga Orang Asli yang terkesan akibat pandemik COVID-19 telah menerima bantuan barang keperluan dapur dan rumah daripada dua orang pemuda kurang upaya.
6. Melalui Program CSR Hasil, LHDN terus berusaha menzahirkan keprihatinan dalam membantu meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik dengan mengagihkan bakul makanan kepada mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
7. Melalui inisiatif yang dilakukan oleh PETRONAS dalam menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang terjejas di waktu pandemik ini adalah suatu usaha yang sangat murni. Pelbagai usaha dijalankan untuk mendapatkan sumbangan termasuk membuat promosi di laman sosial dan memaklumkan kepada rakan menerusi aplikasi WhatsApp.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan, negeri dan pihak swasta menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 29 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>20,579 kes baharu COVID-19</p> <p>PUTRAJAYA: Jangkitan baharu COVID-19 menunjukkan sedikit penurunan hari ini (29 Ogos 2021) apabila sebanyak 20,579 kes dilaporkan berbanding 22,597 semalam.</p> <p>Sementara itu, hari ini juga merekodkan 285 kes kematian menjadi jumlah keseluruhan sebanyak 16,087 kes atau 0.94 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan yang dilaporkan di negara ini. Ia membabitkan 240 warga negara dan 45 bukan warga negara, dengan 51 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID), membabitkan 30 warga negara dan 21 bukan warga negara.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/857331/20579-kes-baharu-COVID-19
2.	Berita Harian 28 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Mohon 7 hari lebih awal jika masuk melalui Johor</p> <p>Pengembara yang mahu masuk ke negara ini menerusi pintu masuk antarabangsa (PMA) di Johor diarahkan untuk mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum ketibaan di Malaysia. Langkah itu dilaksanakan dengan mengambil kira jumlah kemasukan pengembara yang tinggi melalui PMA Johor.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/857129/mohon-7-hari-lebih-awal-jika-masuk-melalui-johor

Penemuan penting & isu:

1. Kes pada 29 Ogos 2021 menyumbang kepada peningkatan kes jangkitan COVID-19 kepada 1,706,089 kes sejak Januari tahun lalu dan kes sembah

daripada jangkitan itu kini sejumlah 1,422,005, manakala bilangan kes aktif 267,997 kes. Berdasarkan statistik, lapan negeri masih mencatatkan peningkatan kes empat angka, didahului Selangor dengan 4,591 kes; Sabah (2,578); Sarawak (2,522); Johor (1,852); Kedah (1,755); Pulau Pinang (1,378); Kelantan (1,316) dan Perak (1,208). Negeri dan wilayah lain juga mencatatkan kes baharu hari ini iaitu Pahang dengan sebanyak 839 kes; Terengganu (789); Kuala Lumpur (680); Melaka (636); Negeri Sembilan (329); Perlis (56); Putrajaya (48) dan Labuan dengan dua kes baharu. Daripada bilangan kes pada 29 Ogos, sebanyak 20,572 kes adalah penularan tempatan dengan 17,106 daripadanya adalah warga negara (83.2 peratus) dan 3,466 lagi bukan warga negara (16.8 peratus), manakala tujuh lagi adalah kes import.

2. Permohonan untuk menjalani kuarantin wajib di rumah atau tempat kediaman akan diproses oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Semua permohonan perlu dikemukakan kepada cprcjknj@moh.gov.my iaitu sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum ketibaan ke Malaysia. Pengembara juga perlu menjalani saringan ujian pengesanan jangkitan COVID-19 menggunakan ujian RT-PCR COVID-19 selewat-lewatnya tiga hari sebelum berlepas. Penilaian risiko terhadap pengembara dibuat berdasarkan kepada permohonan untuk kuarantin di rumah atau tempat kediaman akan dilaksanakan dan rumah atau kediaman itu dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat ditetapkan. Pengembara warganegara dan bukan warganegara yang mempunyai rumah atau tempat kediaman di Malaysia termasuk penduduk tetap (PR), Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan pekerja.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
 - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
 - Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
 - Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
 - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 30 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Suntik vaksin dulu, baru boleh bermiaga di pasar malam</p> <p>Hanya peniaga pasar malam yang mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 sahaja dibenarkan bermiaga semula bermula 15 September ini.</p> <p>Pihaknya menetapkan syarat itu untuk memberi keyakinan kepada orang ramai yang mengunjungi pasar malam di samping mewujudkan persekitaran lebih sihat dan selamat.</p> <p>Kebenaran diberikan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) apabila hanya pengunjung lengkap dua dos vaksinasi serta dalam kategori risiko rendah sahaja dibenarkan mengunjungi pasar malam.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/747768/suntik-vaksin-dulu-baru-boleh-berniaga-di-pasar-malam

2.	Harian Metro 28 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Beri pinjaman mudah kepada PKS Pinjaman mudah tanpa syarat ketat perlu diperkenalkan kepada usahawan sebagai pelan jangka pendek kerajaan menyuntik dana bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini. Untuk pelan jangka pendek kerajaan perlu menyuntik dana kepada usahawan seperti memperkenalkan pinjaman mudah tanpa syarat yang ketat. Manakala bagi pelan jangka panjang, kerajaan perlu merangka dasar dengan mengutamakan usahawan tempatan dengan insentif tertentu. Kerajaan juga perlu meningkatkan kuasa membeli dengan membenarkan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara berkala bagi keperluan utama masyarakat.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/748066/beri-pinjaman-mudah-kepada-pks
----	---	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Peniaga pasar malam yang mendapatkan sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 sahaja dibenarkan bermula semula bermula 15 September 2021.
2. Pinjaman mudah tanpa syarat ketat perlu diperkenalkan kepada usahawan sebagai pelan jangka pendek kerajaan menyuntik dana bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Membenarkan PKS untuk beroperasi semula dan memperkenalkan pinjaman mudah tanpa syarat akan membantu mereka terus bertahan dan

<p>meneruskan perniagaan mereka sekali gus merancakkan kembali ekonomi. Merujuk kepada Survei Sektor Informal 2019, bilangan tenaga kerja di dalam sektor informal di Malaysia adalah sebanyak 1.26 juta orang.</p>			
J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 27 Ogos 2021 (Essential)	<p>Petani termenung hasil sayur tidak pulang modal</p> <p>Seorang petani menghadapi kerugian apabila hasil jualan pertanian yang dikutip setakat ini hanya kira-kira RM15,000 berbanding modal yang mencecah RM30,000 bagi mengusahakan 1.2 hektar tanah dengan pelbagai jenis sayur di Kampung Chenderong Batu. Situasi ini berlaku akibat pasaran sayur yang terlalu perlahan di Kelantan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/petani-termenung-hasil-sayur-tidak-pulang-modal/
2.	Harian Metro 27 Ogos 2021 (Essential)	<p>Jom tanam anggur di Port Dickson</p> <p>Pasangan suami isteri yang tidak dapat meneruskan perniagaan makanan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu tekad mencuba menanam anggur. Terdapat pelbagai jenis anggur yang telah ditanam, tetapi hanya tujuh jenis yang telah berbuah antaranya IAC, Jupiter, Isabella, Vales, Dakon, Alfonso dan Red Globe. Pasangan ini turut menjual benih pokok anggur berharga RM50 hingga RM200 mengikut jenis dan saiz pokok.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/747756/jom-tanam-anggur-di-port-dickson-metrotv

3.	Harian Metro 28 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Bosan PKP, penduduk sepakat berbudi pada tanah <p>Penduduk sebuah taman perumahan di, Pulau Pinang sepakat melakukan aktiviti berkebun bagi menghilangkan kebosanan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi memastikan pematuhan SOP, aktiviti itu dilakukan mengikut jadual. Berkeluasan 1,500 meter persegi, lebih 10 jenis sayur-sayuran telah ditanam, antaranya bendi, ulam-ulaman, sawi, kangkung, kailan, cili padi, roselle dan jagung.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/748089/bosan-pkp-penduduk-sepakat-berbudi-pada-tanah
4.	Utusan Malaysia 30 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	Ikan ‘berkubur’ di dasar sungai, tidak laku di pasaran <p>Kesan daripada PKP yang berpanjangan, walaupun Negeri Sembilan sudah memasuki fasa kedua serta kelonggaran rentas daerah, tetapi ‘ikan yang diternak dalam Sangkar di Sungai Jelai sudah tidak laku lagi kerana melebihi usia matang. Sebanyak 50,000 ekor ikan patin, tilapia dan lampam yang dijangka memasuki pasaran pada bulan Mei terjejas kerana PKP. Sejak Mei 2021, tidak lebih daripada 200 kilogram ikan mampu dijual setiap minggu di kawasan kampung berdekatan.</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/ikan-berkubur-di-dasar-sungai/tidak-laku-di-pasaran/
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> Ekoran pasaran sayur yang terlalu perlahan di Kelantan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seorang petani menghadapi kerugian apabila hasil jualan pertanian yang dikutip setakat ini hanya kira-kira RM15,000 berbanding modal yang mencecah RM30,000. 			

2. Akibat tidak dapat meneruskan perniagaan makanan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, pasangan suami isteri tekad mencuba menanam anggur. Terdapat pelbagai jenis anggur yang telah ditanam, tetapi hanya varieti IAC, Jupiter, Isabella, Vales, Dakon, Alfonso dan Red Globe sahaja yang telah berbuah. Turut dijual adalah benih pokok anggur berharga RM50 hingga RM200 mengikut jenis dan saiz pokok.
3. Penduduk sebuah taman perumahan di, Pulau Pinang sepakat memanfaatkan waktu lapang semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). untuk melakukan aktiviti berkebun. Aktiviti itu dilakukan mengikut jadual dikawasan berkeluasan 1,500 meter persegi, dengan lebih 10 jenis sayur-sayuran telah ditanam, antaranya bendi, ulam-ulaman, sawi, kangkung, kailan, cili padi, roselle dan jagung.
4. Ikan yang diternak dalam sangkar di Sungai Jelai gagal untuk dipasarkan walaupun Negeri Sembilan sudah memasuki Fasa 2, PPN. Sebanyak 50,000 ekor ikan patin, tilapia dan lampam yang dijangka memasuki pasaran pada bulan Mei terjejas kerana PKP. Sejak Mei 2021, tidak lebih daripada 200 kilogram ikan mampu dijual setiap minggu di kawasan kampung berdekatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) secara berfasa yang berbeza disetiap negeri, menyebabkan hasil pertanian tidak dapat dipasarkan secara meluas dan memberi impak kepada pengusaha untuk menanggung kos input dan lambakan sayur.
2. Aktiviti penanaman anggur merupakan bidang baru yang belum diceburi ramai. Usaha ini dilihat amat baik untuk mengembangkan sektor pertanian dan secara tidak langsung membuka peluang pendapatan kepada pengusaha disamping menambah variasi buah-buahan dalam negara.
3. Pelaksanaan PPN juga telah menganggu rantaian akuakultur negara kerana hasil ternakan tidak dapat dipasarkan lebih meluas. Berdasarkan penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) 2016-2020, pengeluaran tilapia pada 2020 adalah sebanyak 33,917.6 tan metrik.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 29 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Nik Muhammad Zawawi set to attract graduates to venture into agriculture	https://www.theedgemarkets.com/article/nik-muhammad-zawawi-sets-

		<p>The incoming Deputy Minister II of Agriculture and Food Industry is set on a mission to attract young people, especially university graduates, to venture into the field of modern agriculture. Young people should emulate farmers such as the United States who have managed to earn a lucrative income by cultivating crops commercially.</p> <p>Malaysia has an abundance of opportunities that young people can explore such as working on idle lands like in Kelantan, Terengganu, and Pahang to cultivate various short-term crops.</p>	<u>attract-graduates-venture-agriculture</u>
2.	The Edge Market 27 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>IPEF 2021 to help revive country's labour sector - SOCSO</p> <p>The Social Security Organisation (Socso) will organise the International Public Employment Forum 2021 (IPEF 2021) to help revive the country's labour sector through the sharing of information and best practices to rebuild life after the COVID-19 pandemic.</p> <p>The programmes are Socso's Regional Return to Work (RTW) DIGIMOS Symposium 2021 (Sept 6 to 7), International Public Employment Services Symposium (Sept 7 to 8) and Career Fair (Sept 7 to 9). These programme open to all levels of</p>	<u>https://www.theedgemarkets.com/article/ipef-2021-help-revive-countrys-labour-sector-%E2%80%94-socso</u>

		<p>society and participation is free of charge.</p> <p>The Career Fair will offer more than 20,000 vacancies from 126 employers including ExxonMobil, Honda, CIMB Bank, Top Glove, Schlumberger and Petron, thus helping to stimulate the country's labour sector.</p>	
3.	The Edge Market 27 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysian chip makers still struggling to meet demand, association says</p> <p>Global demand for chips from Malaysia is still outstripping supply, after a surge in COVID-19 cases disrupted production at a time when car firms and makers of phones and medical equipment are ramping up their output.</p> <p>The semiconductor shortage could start to ease by the end of the year as more workers in Malaysia return to factories once they have been vaccinated and the government eases restrictions on critical sectors.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-chip-makers-still-struggling-meet-demand-association-says
4.	Astro Awani 27 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Pasca COVID-19: Pengusaha pelancongan perlu guna pakai teknologi digital</p> <p>Pengusaha pelancongan digesa menggunakan pakai teknologi digital dalam perniagaan, agar lebih bersedia apabila sektor berkenaan dibuka semula selepas pandemik COVID-19 kelak. Inisiatif pendigitalan akan memberi nilai tambah kepada industri berkenaan selaras</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/pasca-covid19-pengusaha-pelancongan-perlu-guna-pakai-teknologi-digital-316260

	<p>dengan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030. Krisis ini sememangnya satu peluang untuk menilai semula keseluruhan industri perjalanan dan pelancongan untuk masa akan datang.</p> <p>Antara fokus DPN 2020-2030 adalah menghidupkan semula pelancongan tempatan, memulihkan keyakinan pelancong untuk melancong, latihan semula dan peningkatan kemahiran, mempromosi pembangunan pelancongan mampan dan memperkuuh kerjasama awam-swasta.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mempunyai misi menarik minat golongan belia terutamanya graduan universiti untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian moden. Golongan belia perlu mencantohi peladang dan petani seperti di Amerika Syarikat yang berjaya menjana pendapatan lumayan dengan mengusahakan tanaman secara komersil. Pelbagai peluang boleh diterokai seperti mengusahakan tanah terbiar antaranya di Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan pelbagai jenis tanaman jangka pendek.
2. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menganjurkan Forum Antarabangsa Pekerjaan Nasional (IPEF) 2021 bagi membantu pemulihan pasaran buruh serta perkongsian amalan terbaik bagi membina semula kerjaya dan menjamin kelangsungan hidup pasca pandemik COVID-19. Terdapat lebih 20,000 kekosongan jawatan ditawarkan melibatkan 126 majikan menerusi penganjuran Ekspo Kerjaya di bawah IPEF 2021.
3. Pengeluar cip semikonduktor di Malaysia berdepan kesukaran memenuhi kadar permintaan yang tinggi berikutan peningkatan kes jangkitan COVID-19 ketika pengeluar kenderaan, peranti pintar dan peralatan perubatan meningkatkan kadar output pengeluaran. Krisis kekurangan bekalan cip semikonduktor akan dapat diatasi menjelang akhir tahun sekiranya lebih ramai pekerja dibenarkan untuk kembali ke kilang setelah lengkap suntikan vaksin.

4. Pengusaha pelancongan digesa menggunakan teknologi digital dalam perniagaan, agar lebih bersedia apabila sektor berkenaan dibuka semula selepas pandemik COVID-19 kelak. Inisiatif pendigitalan akan memberi nilai tambah kepada industri berkenaan selaras dengan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030. Krisis ini merupakan peluang untuk menilai semula keseluruhan industri perjalanan dan pelancongan pada masa hadapan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan petikan Sorotan Pasaran Buruh ST2 2021, situasi pasaran buruh Malaysia pada ST2 2021 bertambah baik berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya iaitu semasa impak COVID-19 pertama kali dirasai di negara ini. Namun, keadaan COVID-19 yang berlarutan dan tidak menentu telah mendorong kepada keperluan untuk pelaksanaan langkah kawalan yang bersesuaian. Kebanyakan daripada langkah yang bertujuan untuk melindungi kesihatan awam telah menyebabkan sekatan aktiviti sosial dan ekonomi berterusan sehingga sekarang. Oleh kerana cabaran berikut prosedur yang lebih ketat pada ST2 2021 berbanding fasa pemulihan pada ST1 2021, momentum pemulihan pasaran buruh dari suku sebelumnya tidak berterusan. Bilangan tenaga buruh menurun susulan pengurangan marginal bilangan guna tenaga dan pengangguran. Kadar pengangguran kekal selama tiga suku berturut-turut dan masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan ke tahap pra-pandemik. Jumlah jam bekerja terus menurun setelah pengurangan marginal suku ke suku pada ST1 2020. Dari segi permintaan buruh mengikut sektor ekonomi, walaupun terdapat peningkatan kecil dalam bilangan kekosongan jawatan, bilangan jawatan berkurang disebabkan oleh penurunan jawatan yang diisi.
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Jun 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,066.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,297.5 ribu
 - iii) Penganggur: 768.7 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,456.8 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)